



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	20/4/2021	MUKA SURAT : 15
JABATAN	:	SEKTOR TENAGA / SEDA	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Inisiatif MSU diiktiraf SEDA

Sinar Harian 20/4/2021 m/s 15

IP TS pertama capai penarafan Green Pass Operation, Diamond-2

IP TS pertama capai penarafan Green Pass Operation, Diamond-2

SHAH ALAM

Perkembangan semasa dunia ke arah penggunaan teknologi canggih, pamanan global menjadi semakin jelas pada hari ini dan semua pihak harus menanganinya secara mampan. Antara langkah terpenting dalam menangani isu pamanan global ialah dengan mengamalkan cara hidup yang lestari atau mesra alam.

Perubahan teknologi menerusi inovasi baharu yang lebih mesra alam turut menyumbang dalam meminimumkan kesan isu ini.

Management and Science University (MSU) turut mengambil inisiatif tersendiri dalam menangani isu pamanan global dengan mengimplementasikan praktikus penjimatan tenaga tanpa melibatkan kos. Perakasan inisiatif seperti



Penyerahan sijil Green Pass Operation, Diamond-2 telah disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Strategik SEDA, TS Steve Anthony Lojuntin (kiri) kepada Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr. Mohd Shukri Ab. Yajid.

pengawalan suhu bilik pejabat pada 24 darjah C, penjadualan sistem penghawa dingin dan lampu, amalan kecekapan tenaga, pengawalan sub meter bagi setiap kompleks bangunan, serta penggunaan lampu LED. Ia telah memberikan impak positif apabila penggunaan tenaga telah dikurangkan se-

nyak 24.21 peratus peratus atau 5,646,661 kWh (3,918.78 tonne) gas karbon dioksida setahun pada 2021 berbanding 2019. Menjelang 2030, MSU menyasarkan untuk mencapai penji- matan pelepasan gas karbon dioksida pada tahap 40-45 per-

atus. Inisiatif mesra alam ini

membolehkan kampus induk MSU mencapai penarafan Green Pass Operation, Diamond-2 oleh Sustainable Energy Development Authority (SEDA) melalui Low Carbon Buildings Assessment 2020 serta merupakan inisiatif pengajian tinggi swasta (IP TS) pertama menerima peng- iktirafan ini.